

Ghafar sedih tuduhan dilemparkan terhadap PM ketika beliau sakit

JASIN 8 Feb. — Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba mendoakan agar Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad segera sihat dan dapat kembali bertugas seperti biasa selepas menjalani pembedahan jantung baru-baru ini.

Serentak dengan itu beliau menyatakan rasa sedih dengan sikap sesetengah pihak yang melmparkan pelbagai tuduhan terhadap Datuk Sri Dr. Mahathir termasuk mengatakan Perdana Menteri seorang diktator di ketika beliau sedang sakit.

Sepatutnya, tegas beliau, pihak-pihak berkenaan mendoakan agar Datuk Sri Dr. Mahathir selamat menjalani pembedahan pintasan jantung.

Encik Ghafar yang juga Timbalan Presiden UMNO menyatakan demikian ketika berucap di majlis dialog dengan ahli-ahli UMNO cawangan Merlimau Baru di sini malam tadi.

Beliau menyifatkan kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak itu semasa pilihanraya kecil Parlimen Ampang Jaya sebagai lebih jahat dari PAS.

Oleh
Mohd. Nor Samad

Beliau berkata, segala tohmahan dan tuduhan yang tidak berasas itu hanya semata-mata untuk mengelirukan rakyat.

Bagaimanapun, katanya, segala niat jahat mereka ternyata tidak tercapai di Ampang Jaya.

Kemenangan

Keputusan pilihanraya kecil Parhmen Ampang Jaya yang membawa kemenangan kepada calon Barisan Nasional (BN) membuktikan segala tohmahan dan tuduhan mereka ke atas Datuk Sri Dr. Mahathir tidak benar.

Encik Ghafar menegaskan, Datuk Sri Dr. Mahathir tidak pernah merombak sebarang keputusan yang diputuskan dalam sidang Dewan Tertinggi BN, mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO atau kabinet.

Mengenai menghidupkan semula UMNO lama, beliau berkata, telah berkali-kali ditegaskan yang UMNO lama tidak boleh dihidupkan lagi.

'Saya sendiri tidak tahu bagaimana hendak menjelaskan kepada mereka lagi. Mereka hanya kata hidupkan UMNO yang telah mati itu tetapi mereka tidak pula memberitahu cara untuk menghidupkannya.

"Banyak peguam yang telah saya temui untuk menanyakan perkara itu. Mereka mengatakan UMNO tidak boleh dihidupkan lagi,' tegas beliau.

Mengenai kumpulan serpihan 46, beliau berkata, kumpulan tersebut tidak akan ke mana-mana kerana ia bukan parti politik. Sebaliknya, kata beliau, kumpulan serpihan 46 itu layak dipanggil 'parti gelap'.

Tentang ahli-ahli UMNO, Encik Ghafar yakin 'dengan kemenangan calon BN dalam Ampang Jaya baru-baru ini akan meningkatkan lagi jumlah keahlian dalam UMNO.

Buat masa ini, kata beliau, jumlah ahli UMNO adalah lebih 1,050,000.

Dalam ucapannya juga, beliau meminta orang-orang Melayu bersatu jika tidak mereka akan menjadi bangsa yang lemah